



GARIS PANDUAN

GERAN PENYELIDIKAN IIUM-UMP-UiTM *SUSTAINABLE RESEARCH COLLABORATION* (TAHUN 2020)

Unit Perolehan Geran (UPG)
Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Universiti Teknologi MARA
Aras 3, Bangunan Wawasan
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel : (+603) 5544 2097/3240/8255/8257/8259
Faks : (+603) 5544 8280

SENARAI KANDUNGAN

KANDUGAN	M/S
Falsafah, Visi Dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
Geran Penyelidikan IIUM-UMP-UiTM <i>Sustainable Research Collaboration</i>	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Jumlah Peruntukan & Jangka Masa Projek	4
3.0 Syarat-Syarat Permohonan	4
4.0 Peraturan Kewangan	5
5.0 Peraturan Permohonan	6
6.0 Penilaian Geran	6
7.0 Etika Dan Kerahsiaan	6
8.0 Pemantauan Penyelidikan	6
9.0 Hasil Pencapaian Penyelidikan	7

VISI DAN MISI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

FALSAFAH

Every individual has the ability to attain excellence through the transfer of knowledge and assimilation of moral values so as to become professional graduates capable of developing knowledge, self, society and nation

VISI

To establish UiTM as a Globally Renowned University of Science, Technology, Humanities and Entrepreneurship

MISI

To lead the development of agile, profesional bumiputeras through state-of-the-art curricula and impactful research

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN IIUM-UMP-UiTM SUSTAINABLE RESEARCH COLLABORATION

1.0 PENGENALAN

- 1.1. Geran penyelidikan ini diwujudkan bagi menyemarakkan kolaborasi diantara universiti awam di Malaysia yang melibatkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- 1.2. Geran ini bertujuan untuk mewujudkan hubungan penyelidikan baru antara institusi dan mewujudkan persekitaran penyelidikan yang lebih baik di antara institusi di Malaysia. Geran penyelidikan ini juga adalah di bawah tajaan bersama IIUM dan UMP.
- 1.3. Geran penyelidikan kolaborasi ini merupakan penyelidikan asas yang boleh menghasilkan teori, konsep dan idea baharu demi perkembangan ilmu.

2.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK

Jumlah peruntukan dan jangka masa projek adalah seperti berikut:

- | | | |
|----|--------------------------|---|
| 1) | Bidang Sains & Teknologi | : Tidak melebihi RM 20,000 bagi tempoh dua (2) tahun. |
| 2) | Bidang Sains Sosial | : Tidak melebihi RM 10,000 bagi tempoh dua (2) tahun. |

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada staf akademik UiTM dengan syarat-syarat berikut: -

- 3.1 Ketua Penyelidik adalah staf akademik tetap / kontrak di UiTM Selangor.
- 3.2 Berkelayakan sekurang-kurangnya Sarjana (DM45 atau setara).
- 3.3 Ketua Penyelidik mestilah bukan ketua kepada mana-mana geran yang aktif.
- 3.4 Staf akademik yang cuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik tetapi boleh menjadi penyelidik bersama kepada projek tersebut.
- 3.5 Ketua Penyelidik yang cuti belajar perlu membuat pertukaran Ketua Penyelidik yang baru di kalangan penyelidik bersama projek tersebut.
- 3.6 Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama UiTM mestilah menyumbang minimum RM 20.00 sebulan kepada Tabung Penyelidikan Universiti (TAPIU)

sepanjang tempoh geran aktif dan bukti sumbangan mesti disertakan semasa permohonan.

- 3.7 Staf baru yang menjadi Ketua Penyelidik mestilah aktif dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun semasa.
- 3.8 Setiap projek mesti mempunyai jumlah penyelidik seramai lima (5) orang termasuk Ketua Penyelidik. Bersama dua (2) ahli penyelidik UiTM dalam bidang kepakaran yang sama, satu (1) penyelidik bersama IIUM dan satu (1) penyelidik bersama UMP. Permohonan mestilah mempunyai keahlian yang seimbang dari segi gred jawatan.

4.0 PERATURAN KEWANGAN

- 4.1 Perbelanjaan projek adalah dihadkan bagi vot-vot berikut:

Vot11000	Bayaran untuk Pembantu Penyelidik (RA/GRA)
Vot21000	Perjalanan, Penginapan dan Pengangkutan
Vot24000	Sewaan
Vot27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Vot28000	Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai
Vot29000	Perkhidmatan Ikhtisas
Vot35000	Aksesori dan Peralatan

- 4.2 Bayaran Pembantu Penyelidik (RA/GRA) tidak melebihi RM1,000.00 untuk sebulan.
- 4.3 Pembantu penyelidik yang menerima basiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini.
- 4.4 Permohonan Pembantu Penyelidik (RA/GRA) perlu dibuat melalui atas talian sistem iRMIs (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis>).
- 4.5 Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan Pejabat TNCPI dan Pejabat Naib Canselor serta tertakluk kepada peruntukan geran yang telah dipohon. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan di dalam negara sahaja. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan UiTM.

- 4.6 Hanya Ketua Penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi perjalanan ke luar negara berdasarkan kriteria berikut:
- i) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan (sekali sahaja) adalah bagi tujuan menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan sahaja.
 - ii) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

5.0 PERATURAN PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan geran perlu menggunakan borang permohonan yang boleh diperolehi di laman sesawang TNCPI. (<https://tncpi.uitm.edu.my/>).
- 5.2 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Penyelidikan IIUM-UMP-UiTMSustainable Research Collaboration dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

6.0 PENILAIAN GERAN

- 6.1 Permohonan Geran Penyelidikan IIUM-UMP-UiTMSustainable Research Collaboration akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Pejabat TNCPI.
- 6.2 Surat kelulusan akan dikeluarkan kepada Ketua Penyelidik yang berjaya dan salinan kepada penyelidik bersama.
- 6.3 Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama perlu menandatangani surat terima tawaran yang telah dilengkapkan sebelum memulakan penyelidikan.

7.0 ETIKA DAN KERAHSIAAN

Semua penyelidik mestilah mematuhi etika penyelidikan dan kerahsiaan data.

8.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 8.1 Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Pejabat TNCPI.
- 8.2 Ketua penyelidik mesti menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem iRMIs.
- 8.3 Kegagalan memenuhi perkara 8.2 di atas boleh menyebabkan geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 8.4 Pihak Pejabat TNCPI akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan

selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.

- 8.5 Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan Pejabat TNCPI.

9.0 HASIL PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

- 9.1 Penyelidik mesti menerbitkan dua (2) penerbitan berindeks SCOPUS/WOS/MyCITE.
- 9.2 Penulis bersama dari UIA dan UMP serta penghargaan kepada IIUM-UMP-UiTM *Sustainable Research Collaboration* perlu dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.